

27/12/2000

`Bincang perpaduan bila harmoni'

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Sebarang perbincangan mengenai usaha menyatupadukan semula orang Melayu di negara ini, hanya boleh dibuat apabila suasana politik tanah air lebih kondusif dan kembali reda, kata Datuk Seri Najib Tun Tazak.

Naib Presiden Umno itu berkata, dalam keadaan orang Melayu sentiasa bertelingkah dan saling menuduh antara satu sama lain, sukar bagi mereka membuat keputusan bersama dalam sesuatu perkara.

"Sebelum kita mengadakan perbincangan mengenai usaha menyatupadukan orang Melayu, lebih elok jika diwujudkan dulu suasana yang harmonis bagi memudahkan usaha ke arah itu," katanya di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan Pas menolak sebarang usaha oleh Umno untuk membincangkan kaedah sesuai bagi menyatupadukan semua orang Melayu yang dikatakan berpecah.

Semalam, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata parti itu hanya bersedia berbincang soal perpaduan jika ia ia membabitkan rakyat dan negara secara keseluruhan.

Sebelum ini, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kesediaan parti itu memulakan inisiatif perbincangan dengan Pas dan Parti Keadilan Nasional berhubung perpaduan orang Melayu jika keadaan mengizinkan.

Sehubungan itu, Najib berkata perbincangan mengenai perpaduan umat Melayu perlu diadakan dalam suasana yang tidak berprasangka supaya semua pihak terbabit dapat mencari jalan penyelesaian terbaik.

Malah, katanya, jika ada persefahaman untuk mengadakan perbincangan itu sekalipun, ia hendaklah dibuat secara tertutup.

"Perkara ini hanya boleh dibincangkan di kalangan orang Melayu saja dan tidak perlu dibuat secara terbuka. Ia perlu dilakukan sedemikian kerana kita tidak mahu mana-mana pihak terbabit berasa serba salah," katanya.

Ditanya mengenai formula sesuai bagi menangani masalah perpecahan orang Melayu, Najib berkata pelbagai pendekatan perlu difikir oleh semua pihak, termasuk konsep perpaduan Melayu di bawah naungan Barisan Nasional (BN) yang pernah diperkenalkan pada satu ketika dulu.

(END)